

05 APR 1996

Australia-Hayden

KERAJAAN AUSTRALIA TIDAK MAHU CAMPUR ISU DAKWAAN PERKAUMAN HAYDEN

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Kerajaan Australia tidak mahu terbabit dengan dakwaan bekas Gabenor Jeneral Australia Bill Hayden bahawa sesetengah negara Asia termasuk Malaysia mengamalkan dasar perkauman.

Menteri Luar Australia Alexander Downer berkata menerusi satu rancangan radio Australia Rabu lepas bahawa kerajaannya tidak berkongsi pendapat dengan Hayden dan beliau hanya bercakap sebagai seorang individu.

Downer ditanya mengenai dakwaan Hayden itu pada satu program radio mengenai isu-isu semasa oleh Perbadanan Penyiaran Australia.

Menurut transkrip yang dikeluarkan oleh pejabat Suruhanjaya Tinggi Australia di sini hari ini, Downer ditanya sama ada beliau bersetuju dengan dakwaan Hayden bahawa jiran-jiran Asia Australia merupakan pengamal dasar perkauman.

Downer menjawab: "Saya tidak bersetuju dengannya (perkara itu) dan ia bukan pandangan kerajaan Australia. Encik Hayden membuat dakwaan itu sebagai seorang individu. Ia bukan kenyataan yang dibuat atas sifatnya sebagai Gabenor Jeneral atau sebagai penyandang jawatan yang disandang sebelum ini dan ia bukan pandangan Kerajaan Australia."

Hayden, yang merupakan Menteri Luar pada 1983 hingga 1987 dan bersara sebagai gabenor jeneral pada Februari lepas, membuat dakwaan itu pada hari yang sama menerusi stesen radio Sydney.

Beliau telah mengkritik Dasar Ekonomi Baru Malaysia yang sebenarnya bertujuan untuk menyusun semula masyarakat melalui pengagihan kekayaan di kalangan pelbagai kaum.

Dakwaannya itu menimbulkan banyak bantahan dan kecaman daripada ahli-ahli politik dan pemimpin pelbagai kaum negara ini. Mereka berkata Hayden menampakkan kejahilannya apabila membuat dakwaan itu.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu, yang marah dengan komen Hayden bahawa masyarakat India di Malaysia hidup miskin dan daif, berkata Hayden cetek maklumat dan tidak sedar mengenai perkara yang berlaku di sini.

Hubungan antara Malaysia dan Australia, yang diperburukkan oleh laporan berat sebelah media Australia, diperbaiki baru-baru ini apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi rakan sejawatannya John Howard, semasa singgah sebentar di Brisbane selepas melakukan lawatan rasmi ke New Zealand minggu lepas. -- BERNAMA

TCL NAK